



جَبَاتُ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِسلامِ نَغَرِي سَابَاه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اِخْطَبَةُ الْجُمُعَةِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

27 ZULKAEDAH 1447H/15 MEI 2026M

“HORMATI GURU, KUNCI KEBERKATAN ILMU”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ
اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ
أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

JAMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beroleh kebahagiaan di dunia dan keselamatan di akhirat. Khatib ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah berbual-bual, tidur dengan sengaja, ataupun bermain telefon bimbit kerana perbuatan tersebut boleh menghapuskan pahala ibadah kita. Sebaliknya, mendengarkan khutbah dengan sepenuh perhatian adalah sebahagian daripada kesempurnaan Solat Jumaat. Bersempena dengan sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Kali Ke-

55, pada 16 Mei 2026, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: ***“Hormati Guru, Kunci Keberkatan Ilmu.”***

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Dalam sejarah kegemilangan Islam, ilmu bukan sekadar himpunan maklumat yang tersimpan dalam ingatan atau lembaran kitab. Ilmu ialah *nur*, yakni cahaya yang menerangi jalan menuju keredaan-Nya. Namun demikian, cahaya ini tidak akan dapat dimiliki tanpa adanya insan yang ikhlas menyampaikan, membimbing, dan mendidik kita, iaitu guru yang menjadi obor penerang kehidupan.

Guru ialah *mursyid, mu'allim, murabbi, mudarris, muaddib*, yang sangat mulia di sisi agama. Islam menyanjung tinggi martabat seorang guru kerana jasa dan peranan mereka yang sangat besar dalam mengangkat martabat insan. Menjadi guru ialah satu kemuliaan kerana sentiasa mengajak manusia kepada kebaikan dan mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar. Inilah hakikat dan nilai sebenar seorang guru yang menerangi kehidupan manusia melalui cahaya ilmunya. Sesungguhnya, mereka adalah pusat kepada ilmu yang bertanggungjawab dalam membentuk manusia yang bertamadun. Guru sentiasa memberikan inspirasi dan motivasi sehingga memungkinkan anak-anak didik mereka mencapai kejayaan serta mencipta kecemerlangan dalam pelbagai bidang pekerjaan.

Tugas guru merupakan amanah yang mulia. Jika para Nabi membawa wahyu untuk menyelamatkan manusia daripada kegelapan syirik dan mensucikan aqidah, maka para guru menyambung risalah itu, dengan menyelamatkan umat daripada kejahilan. Seorang guru ialah jurubina peradaban yang membentuk insan berilmu dan berakhlak. Daripada

didikan merekalah, lahirnya para ulama, para pemimpin, para doktor, jurutera dan seumpamanya. Tanpa didikan guru yang ikhlas, runtuhlah sendi-sendi akhlak dalam masyarakat. Kemuliaan tugas guru ini disebut oleh Allah SWT, sebagaimana firman-Nya melalui surah al-Mujadalah, ayat 11:

... وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ
دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Maksudnya: *“Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan.”*

Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa Allah SWT mengangkat tinggi nilai-nilai keilmuan dan yang berkaitan dengannya, termasuklah orang yang menyampaikan ilmu dan penuntut ilmu. Hal ini menunjukkan martabat guru sangat tinggi dan mulia selaras dengan ketinggian ilmu itu sendiri. Terdapat banyak hadis menyebut tentang kelebihan orang yang berilmu, antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Abu Darda' *Radiallahu'anhu*, bahawa Nabi SAW bersabda **yang bermaksud:** *“Sesungguhnya kelebihan orang yang alim dibandingkan dengan ahli ibadah adalah seperti bulan pada malam purnama atas seluruh bintang-bintang”*. (Riwayat Abu Daud)

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN SEKALIAN,

Ketahuiilah bahawa kunci utama dalam menuntut ilmu bukanlah pada kecerdasan akal semata-mata, melainkan pada adab dan penghormatan terhadap guru. Ilmu itu cahaya, dan cahaya Allah tidak akan masuk ke

dalam jiwa yang sombong terhadap gurunya. Daripada Ubadah bin al-Samit *Radiallahu'anhu* bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

لَيْسَ مِنْ أُمَّتِي مَنْ لَمْ يُجِلِّ كَبِيرَنَا وَيَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفْ لِعَالِمِنَا حَقَّهُ.

Maksudnya: “Bukan daripada kalangan umatku orang yang tidak menghormati orang tua kami, tidak menyayangi golongan muda kami dan tidak mengetahui hak orang yang berilmu dalam kalangan kami.” (Riwayat Musnad Ahmad)

Seorang murid yang mendambakan ilmu yang bermanfaat, wajib memiliki adab terhadap gurunya. Antara adab yang wajib dipelihara oleh setiap penuntut ilmu adalah:

Pertama: Mentaati arahan guru selagi tidak bercanggah dengan syarak.

Kedua: Merendah diri dan tidak berasa lebih hebat daripada guru.

Ketiga: Menjaga lisan daripada meninggikan suara atau menyanggah dengan cara yang kurang sopan.

Keempat: Mendoakan kesejahteraan guru-guru kita sama ada mereka masih hidup atau telah tiada.

Kelima: Tidak memandang rendah walaupun guru itu punya kekurangan manusiawi.

MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Apakah rahsia keberkatan ilmu? Keberkatan ilmu terletak pada keredaan guru. Tanpa reda seorang guru, ilmu yang dipelajari akan menjadi tawar, tidak memberikan kesan kepada akhlak, dan mudah dilupakan. Imam Az-Zarnuji dalam kitabnya *Ta'lim al-Muta'allim* menyebut “Seorang penuntut ilmu tidak akan memperoleh ilmu dan tidak akan dapat mengambil manfaatnya, melainkan dengan memuliakan ilmu dan ahli ilmu (guru).”

Namun, apa yang berlaku hari ini amat membimbangkan. Terdapat segelintir pelajar yang semakin hilang adab dan tidak lagi menghormati guru. Media sosial dijadikan medan untuk memperlekeh guru, merakam video secara rahsia untuk dijadikan bahan jenaka, malah ada yang melampaui batas dengan memfailkan saman terhadap guru hanya kerana tindakan disiplin yang kecil. Guru pula dianggap sekadar manusia biasa yang tidak wajar diberikan penghormatan.

Lebih membimbangkan lagi, terdapat segelintir murid yang bersikap biadap terhadap guru termasuk melawan, merosakkan harta benda, menumbuk, menghina, bersangka buruk, mengumpat dan mencaci guru. Fenomena ini, menjadi tanda semakin terhakisnya keberkatan ilmu dalam masyarakat kita. Apabila guru tidak lagi dihormati, maka hilanglah keberkatan ilmu, dan apabila berkat itu lenyap, lahirlah generasi yang cerdik akal nya tetapi rapuh akhlak dan imannya.

Ingatlah! Apabila kita merendah-rendahkan guru, kita sebenarnya sedang menutup pintu rahmat Allah buat anak-anak kita. Media sosial bukanlah medan untuk membuka aib pendidik. Jika ada perselisihan, selesaikanlah dengan hikmah dan adab, bukan dengan provokasi dan kecaman. Ibu bapa berperanan penting sebagai "guru pertama" di rumah. Tanamkan dalam jiwa anak-anak bahawa guru mereka adalah insan yang perlu dimuliakan. Jangan biarkan anak-anak kita menjadi generasi yang "pintar akademik tetapi mufliis sahsiahnya."

JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Sebagai kesimpulan daripada bicara mimbar pada hari ini, marilah kita hayati tiga amanah besar untuk dijadikan azimat dalam kehidupan kita:

Pertama: Sedarlah bahawa martabat guru adalah martabat yang mulia di sisi Allah. Menghina guru bermaksud menutup pintu keberkatan ilmu, manakala memuliakan guru adalah kunci pembuka rahmat Ilahi.

Kedua: Adab mendahului ilmu. Janganlah kita bangga dengan kebijaksanaan anak-anak kita jika mereka tidak tahu menghormati insan yang mengajarnya. Sesungguhnya ilmu tanpa adab hanyalah seperti pohon yang rimbun namun tidak berbuah.

Ketiga: Keberkatan ilmu adalah matlamat utama. Ilmu yang berkat akan membawa pemiliknya takut kepada Allah, berbakti kepada orang tua, dan memberi manfaat kepada nusa dan bangsa.

Firman Allah SWT melalui surah al-Ahzab, ayat 70 dan 71:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah, dan berkatalah dengan perkataan yang benar (jujur). Nescaya Allah memperbaiki bagimu amalan-amalanmu dan mengampuni bagimu dosa-dosamu. Dan sesiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia telah mendapat kemenangan yang besar.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JAMAAH YANG DIKASIHI,

Mimbar menyeru para jamaah Jumaat sekalian, bersempena dengan Hari Belia Negara pada 15 Mei 2026 yang bertepatan dengan sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan, marilah kita peka dan cakna bahawa belia merupakan aset penting negara dan ummah. Golongan belia ialah pemimpin masa hadapan yang akan menentukan hala tuju masyarakat. Dalam al-Quran, Allah SWT merakamkan kisah pemuda beriman seperti Ashabul Kahfi yang teguh mempertahankan akidah mereka. Ini menunjukkan bahawa kekuatan iman dan jati diri dalam kalangan belia amat penting. Dalam ajaran Islam, belia yang beriman dan berilmu sangat dituntut kerana mereka berperanan sebagai pewaris kepimpinan ummah. Pada masa yang sama, guru memainkan peranan besar sebagai pendidik, pembimbing akhlak dan menjadi wadah penyampai ilmu kepada golongan belia. Ingat! Tanpa bimbingan seorang guru, potensi belia sukar dikembangkan secara seimbang. Namun begitu, belia masa kini berdepan pelbagai cabaran seperti pengaruh negatif media sosial, gejala buli dan keruntuhan akhlak. Oleh itu, kerjasama antara guru, ibu bapa dan masyarakat amat penting dalam membentuk jati diri belia yang kukuh. Guru bukan sahaja menyampaikan ilmu, malah membina jati diri dan nilai murni dalam diri pelajar agar mereka mampu menghadapi cabaran pada masa hadapan.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ.
فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى

سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
 كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ.
 آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهَدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ
 عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَامَةِ
 الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
 بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ الرَّحِيمُ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا
 بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegaskan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com